

25/04/1999

Cuaca buruk tidak izin Azhar terus belayar

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Cuaca buruk di perairan Kepulauan Falkland semalam menyebabkan kerja menunda Jalur Gemilang ke Port Stanley, ibu negeri kepulauan wilayah Britain itu, tertangguh.

Berikutan itu, Azhar Mansor yang kini berada kira-kira 10 batu nautika dari Kepulauan Falkland perlu menunggu sehingga cuaca reda bagi membolehkan kapalnya ditunda dengan selamat.

Menurut e-mel yang dihantarnya ke Cabaran Jalur Gemilang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, Azhar melaporkan cuaca buruk ketika ini tidak mengizinkan beliau melakukan pelayaran dengan lebih baik.

"Kira-kira dua jam sebelum sampai ke Cape Pembroke, cuaca buruk disertai hujan dengan angin kencang bertiup selaju 45 knot.

"Keadaan ini ditambah dengan kesibukan lalu lintas laut di kawasan berhampiran. Keadaan ini memaksa saya menunggu sehingga cuaca reda untuk belayar ke Port Stanley," katanya.

Masuk hari ke-81 di Lautan Atlantik Selatan, semalam, beliau sudah belayar sejauh 11,797 batu nautika.

Sementara itu, Penasihat Teknikal dan Komunikasi Cabaran Jalur Gemilang berpangkalan di sini, Sandy Belman, ketika dihubungi petang semalam, berkata bot tunda yang berpangkalan di Port Stanley kini bersiap sedia untuk menunda Jalur Gemilang sebaik cuaca mengizinkan.

"Ketika ini, waktu di perairan Kepulauan Falkland ialah subuh. Pasukan bot tunda terpaksa menunggu siang, iaitu kira-kira dua jam lagi untuk memastikan kerja menunda selamat dilakukan," katanya.

Mengikut cadangan sebelum ini, kapal itu perlu singgah di Kepulauan Falkland untuk dibaik pulih selepas tiang layar utamanya patah tiga akibat dipukul ribut dengan tiupan angin sekencang 65 knot, 12 April lalu.

Berikutan kejadian jam 2 pagi itu, Azhar turut kehilangan satu antena di belakang kapal layarnya selain mendapati radar, alat pemanas kabin, VHF, SSB Radio serta kompas, rosak.

Ketika ini, beliau terpaksa bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan telefon satelit Iridium yang dibekalkan oleh Sistem Iridium Malaysia Sdn Bhd untuk mendapatkan pandangan serta nasihat daripada pangkalan.

Bagaimanapun, berbekalkan sokongan padu rakyat dan dorongan semangat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung Projek Cabaran Jalur Gemilang 1999, Azhar memutuskan untuk terus belayar.

Berkat ketabahan dan kesungguhannya, beliau akhirnya berjaya melepasi Cape Horn, Amerika Selatan, pada jam 2.45 petang, 18 April lalu walaupun kapalnya dianggap pincang.

Kelmarin, Malaysia Book of Records tetap mengiktiraf Azhar sebagai rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo tanpa henti dari Tanjung Malai, di sini ke Cape Horn.

(END)